

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB. DR. LEE BOON CHYE [GOPENG]

**TARIKH JAWAPAN : 26 MAC 2014 (RABU)
DI DEWAN RAKYAT**

SOALAN

Minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan setakat manakah kejayaan untuk penggunaan tenaga yang boleh dibaharui sejak penubuhan SEDA.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

1. SEDA Malaysia ditubuhkan pada tahun 2011 sebagai agensi pelaksana Mekanisme *Feed-in Tariff* (FiT) untuk memacu pertumbuhan Tenaga Boleh Baharu (TBB) negara. Mekanisme FiT membolehkan syarikat-syarikat atau individu yang berminat untuk menjana elektrik daripada sumber TBB berbuat demikian dan menjual tenaga elektrik yang dijana pada harga "premium" atau Tarif Galakan kepada pihak utiliti.
2. Mekanisme FiT telah dilancarkan oleh SEDA Malaysia pada 1 Disember 2011 dan sehingga 31 Januari 2014, sebanyak **2,760** permohonan dengan jumlah kapasiti sebanyak **536.07 MW** telah diluluskan. Daripada jumlah yang diluluskan, sebanyak **2,084** permohonan telah mencapai Tarikh Kuatkuasa Tarif Galakan dengan jumlah kapasiti terpasang sebanyak **163.19 MW**. Sebanyak 581 permohonan lagi dengan kapasiti **319.34 MW** masih dalam proses untuk mencapai Tarikh Kuatkuasa Tarif Galakan.

3. Selain itu, berdasarkan kepada jumlah kuota yang diluluskan sehingga 31 Januari 2014, pelaksanaan Mekanisme FiT dianggarkan telah mewujudkan sebanyak 11,421 peluang pekerjaan dan mampu mengelakkan pembebasan karbon dioksida ke udara sebanyak 1.5 juta tan. Pelaksanaan Mekanisme FiT juga telah berjaya menarik pelaburan daripada sektor swasta sebanyak RM4.3 bilion bagi membangunkan projek-projek TBB. Ia juga telah menjadi pemangkin kepada sebuah industri baru iaitu industri TBB negara yang terdiri daripada pembekal perkhidmatan TBB terutamanya dalam bidang solar PV dan penubuhan syarikat-syarikat pembuatan solar PV dan rangkaian nilai solar PV tempatan.
